

**MASALAH, STRATEGI DAYA TINDAK DAN  
KEPERLUAN MANGSA KEGANASAN RUMAH  
TANGGA WANITA MELAYU DI PULAU PINANG**

**MASARAH BINTI MOHAMAD YUSOF**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**MASALAH, STRATEGI DAYA TINDAK DAN  
KEPERLUAN MANGSA KEGANASAN RUMAH  
TANGGA WANITA MELAYU DI PULAU PINANG**

**oleh**

**MASARAH BINTI MOHAMAD YUSOF**

**Tesis yang diserahkan  
untuk memenuhi keperluan  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2017**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi, dengan limpah kurniaNya, saya berjaya menyempurnakan tesis pada peringkat ini dengan jayanya. Ucapan jutaan terima kasih didedikasikan kepada penyelia utama iaitu Profesor Dr. Azlinda Azman serta penyelia bersama iaitu Prof. Madya Dr. Intan Hashimah Hashim kerana menjadi pembimbing yang hebat dalam memberikan ilmu pengetahuan, tunjuk ajar, teguran, serta sokongan padu bagi membantu saya melengkapkan tesis ini dengan sempurna. Hanya Allah yang mampu membalas jasa mereka atas segala sumbangan tersebut. Penghargaan ini turut ditujukan kepada barisan pensyarah Kerja Sosial, pensyarah akademik lain, serta kakitangan pentadbiran di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia yang turut memberikan motivasi untuk menyiapkan tesis ini. Selain itu, jutaan penghargaan terima kasih juga diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Sains Malaysia kerana menjadi penaja bawah Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Terima kasih juga diucapkan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam membantu saya mendapatkan informan dalam kajian ini. Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada informan yang sudi menjadi sampel kajian ini. Buat arwah bapa tersayang iaitu Mohamad Yusof Alang Resat, pemergianmu telah menjadi satu semangat untuk mencapai kejayaan pada masa kini. Bagi bonda yang teristimewa, Maimah Abdul Rahman, iringan doa serta sokongan jitu yang diberikan sangat bermakna dan hanya Allah sahaja mampu membalas segala pengorbananmu wahai bonda tersayang. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga dipanjatkan kepada suami tercinta, Mohd Syafiq Mohamad Ali kerana sentiasa menjadi tulang belakang yang sangat hebat di samping memberikan sokongan motivasi dan inspirasi ketika jatuh dan banggunya saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Tambahan lagi, kehadiran permata hati yang disayangi iaitu Nur Qaseh Qisyah Imani Mohd Syafiq

turut memberikan motivasi bagi mencapai kejayaan ini. Tidak dilupakan, adik-beradik, ahli keluarga mertua, serta rakan-rakan yang telah menjadi agen sokongan moral yang terbaik dalam usaha menyiapkan tesis ini. Saya berdoa agar Allah S.W.T. membalas segala kebaikan yang telah disumbangkan oleh mereka.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>ABSTRAK</b>	xiv
<b>ABSTRACT</b>	xvi

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	9
1.3	Persoalan Kajian	23
1.4	Objektif Kajian	23
1.5	Kepentingan Kajian	24
1.5.1	Pemahaman terhadap Isu Permasalahan Keganasan Rumah Tangga	24
1.5.2	Kepentingan kepada Kumpulan Sasar	25
1.5.3	Kepentingan kepada Polisi	26
1.5.4	Kepentingan kepada Profesion dan Praktis Kerja Sosial	27
1.6	Susunan Bab	28

### **BAB 2: SOROTAN KARYA**

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Konsep Keganasan	30
2.3	Faktor Risiko sebagai Penyumbang kepada Keganasan Rumah Tangga dalam kalangan Wanita	34
2.3.1	Kuasa, Kawalan dan Gender	39
2.3.2	Penggunaan Dadah dan Alkohol	45
2.3.3	Keagamaan	47
2.3.4	Kehamilan	50
2.3.5	Kemiskinan dan Pendapatan	51
2.3.6	Taraf Pendidikan	52

2.3.7	Kawasan Tempat Tinggal	53
2.3.8	Zaman Kanak-kanak	55
2.4	Kesan Psikososial dalam kalangan Mangsa Keganasan Rumah Tangga	56
2.5	Faktor Pendorong Mangsa Meninggalkan Kitaran Keganasan Rumah Tangga	62
2.5.1	Sumber Sokongan Luar	63
2.5.2	Pengalaman Keganasan yang pernah dilalui Mangsa	65
2.5.3	Kebajikan Anak-anak	66
2.5.4	Sokongan terhadap Situasi Baru	67
2.5.5	Kebencian terhadap Perhubungan	69
2.5.6	Kepelbagaian Rangkaian Sumber Perkhidmatan Sokongan	70
2.6	Strategi Daya Tindak dalam konteks Keganasan terhadap Pasangan	77
2.7	Perkaitan Budaya dalam Keganasan Rumah Tangga terhadap Mangsa Wanita	82
2.8	Perancangan Masa Depan untuk Mangsa Keganasan Rumah Tangga	98
2.9	Kerangka Teoritikal	112
2.9.1	Teori Sistem	113
2.9.2	Pendekatan Ekologikal ( <i>Ecological Approach</i> )	118
2.9.3	Teori Feminis	123
2.9.4	Teori Daya Tindak ( <i>Coping Theory</i> )	128
2.10	Kerangka Konseptual	132

### **BAB 3: METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	144
3.2	Lokasi Kajian	144
3.3	Populasi Kajian	145
3.4	Sampel Kajian	146
3.5	Reka Bentuk Kajian	150
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	152
3.7	Instrumen Kajian	152
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	154
3.9	Prosedur Analisis Data	155

3.10	Kajian Rintis	155
3.11	Etika Penyelidikan	160
<b>BAB 4: HASIL KAJIAN</b>		
4.1	Pengenalan	164
4.2	Tema-tema Utama Kajian	164
4.3	Maklumat Profil Informan	168
4.4	Maklumat Demografi Mangsa Keganasan Rumah Tangga	186
4.4.1	Peringkat Umur	186
4.4.2	Negeri Kelahiran	187
4.4.3	Tempoh Perkahwinan	188
4.4.4	Jenis Pekerjaan	189
4.4.5	Jumlah Pendapatan	190
4.4.6	Tahap Pendidikan	191
4.4.7	Bilangan Anak	191
4.4.8	Bentuk Penderaan	192
4.5	Objektif Pertama: Mengkaji Faktor-faktor Penyumbang kepada Masalah Keganasan Rumah Tangga dalam kalangan Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	193
4.5.1	Pengaruh Sistem Sosial	193
4.5.1(a)	Keluarga	194
4.5.1(b)	Poligami	197
4.5.1(c)	Anak	197
4.5.1(d)	Kawan-kawan	199
4.5.2	Kewangan	201
4.5.3	Pengaruh Dadah dan Alkohol	204
4.5.4	Sikap Suami	206
4.5.5	Rumusan	213
4.6	Objektif Kajian Kedua: Menganalisis Perkaitan Pengaruh Budaya Melayu dalam Masalah Keganasan Rumah Tangga terhadap Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	213
4.6.1	Persepsi Masyarakat	214

4.6.1(a)	Stigma terhadap Mangsa	214
4.6.1(b)	Empati terhadap Mangsa	216
4.6.1(c)	Sokongan terhadap Tindakan Mangsa	218
4.6.1(d)	Halangan terhadap Tindakan Mangsa	221
4.6.2	Konflik Peranan antara Pasangan	224
4.6.3	Ketidaksesuaian Peranan Mengikut Ekspektasi Masyarakat	226
4.6.4	Rumusan	228
4.7	Objektif Kajian Ketiga: Mengkaji Faktor-faktor Pendorong Wanita Berbangsa Melayu ingin Membebaskan Diri daripada terus Menjadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga di Negeri Pulau Pinang	229
4.7.1	Keselamatan	230
4.7.1(a)	Diri Mangsa	230
4.7.1(b)	Orang Lain	233
4.7.2	Mendapat Sokongan Sistem Sosial	235
4.7.2(a)	Sistem Mezo	236
4.7.2(b)	Sistem Makro	240
4.7.3	Perspektif Mangsa terhadap Pasangan	242
4.7.4	Rumusan	247
4.8	Objektif Kajian Keempat: Menganalisis Bentuk-bentuk Daya Tindak yang dilakukan oleh Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	248
4.8.1	Mengisi Ruang Masa	249
4.8.2	Anak sebagai Sumber Kekuatan	251
4.8.3	Berfikiran Positif	253
4.8.4	Mendapatkan Perkhidmatan Bantuan	255
4.8.5	Keluar Rumah	257
4.8.6	Menggunakan Pendekatan Agama Islam	258
4.8.7	Berkongsi Masalah	260
4.8.8	Keberkesanan Daya Tindak	264
4.8.9	Rumusan	266

4.9	Objektif Kajian Kelima: Menganalisis Bentuk-bentuk Keperluan Perancangan Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang selepas Berjaya Membebaskan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	267
4.9.1	Keperluan Sumber Pengetahuan	268
4.9.1(a)	Pengetahuan Kewujudan Perkhidmatan Sedia Ada	268
4.9.1(b)	Kaedah Mendapatkan Bantuan	272
4.9.2	Kesesuaian Bantuan yang diterima	274
4.9.2(a)	Maklum Balas Positif	274
4.9.2(b)	Maklum Balas Negatif	278
4.9.3	Keperluan Kelangsungan Hidup	282
4.9.4	Keperluan Hala Tuju Mangsa	289
4.9.5	Rumusan	294
4.10	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	295

## **BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	299
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	299
5.3	Demografi Mangsa Keganasan Rumah Tangga	300
5.4	Objektif Kajian Pertama: Mengkaji Faktor-faktor Penyumbang kepada Masalah Keganasan Rumah Tangga dalam kalangan Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	302
5.5	Objektif Kajian Kedua: Menganalisis Perkaitan Pengaruh Budaya Melayu dalam Masalah Keganasan Rumah Tangga terhadap Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	316
5.6	Objektif Kajian Ketiga: Mengkaji Faktor-faktor Pendorong Wanita Berbangsa Melayu ingin Membebaskan Diri daripada terus Menjadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga di Negeri Pulau Pinang	332
5.7	Objektif Kajian Keempat: Menganalisis Bentuk-bentuk Daya Tindak yang dilakukan oleh Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	349

5.8	Objektif Kajian Kelima: Menganalisis Bentuk-bentuk Keperluan Perancangan Mangsa Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang selepas Berjaya Membebaskan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	371
5.8.1	Penemuan Baru	402
5.8.1(a)	Golongan Berdaya Maju	403
5.8.1(b)	Kecelaruhan dalam Budaya Melayu	408
5.9	Objektif Kajian Keenam: Mencadangkan Satu Rangka Keperluan Intervensi Kerja Sosial dan Perkhidmatan Bersesuaian ke arah Kefungsian Sosial Golongan Wanita Berbangsa Melayu di Negeri Pulau Pinang	417
5.9.1	Rawatan Pemulihan	420
5.9.2	Rawatan Pencegahan	427
5.9.3	Rawatan Pembangunan	436
5.10	Implikasi Kajian	441
5.10.1	Implikasi terhadap Kumpulan Sasar	442
5.10.2	Implikasi terhadap Profesion Kerja Sosial	443
5.10.3	Pendidikan dan Praktis Kerja Sosial	444
5.10.4	Implikasi terhadap Dasar Sosial	446
5.11	Limitasi Kajian	449
5.12	Cadangan Kajian Masa Hadapan	452
5.13	Kesimpulan	453
	<b>RUJUKAN</b>	456
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>
Jadual 4.1 Jumlah Pendapatan Bulanan Mangsa Keganasan Rumah Tangga	190
Jadual 4.2 Tahap Pendidikan Mangsa Keganasan Rumah Tangga	191
Jadual 4.3 Bentuk Penderaan Mangsa Keganasan Rumah Tangga	192
Jadual 4.4 Petikan Temubual Bersama Informan (Keluarga)	194
Jadual 4.5 Petikan Temubual Bersama Informan (Poligami)	197
Jadual 4.6 Petikan Temubual Bersama Informan (Anak)	198
Jadual 4.7 Petikan Temubual Bersama Informan (Kawan-kawan)	200
Jadual 4.8 Petikan Temubual Bersama Informan (Masalah Kewangan)	201
Jadual 4.9 Petikan Temubual Bersama Informan (Pengaruh Dadah dan Alkohol)	204
Jadual 4.10 Petikan Temubual Bersama Informan (Sikap Suami)	207
Jadual 4.11 Petikan Temubual Bersama Informan (Stigma terhadap Mangsa)	215
Jadual 4.12 Petikan Temubual Bersama Informan (Empati terhadap Mangsa)	217
Jadual 4.13 Petikan Temubual Bersama Informan (Sokongan terhadap Tindakan Mangsa)	219
Jadual 4.14 Petikan Temubual Bersama Informan (Halangan terhadap Tindakan Mangsa)	221
Jadual 4.15 Petikan Temubual Bersama Informan (Konflik Peranan antara Pasangan)	224
Jadual 4.16 Petikan Temubual Bersama Informan (Ketidaksesuaian Peranan mengikut Ekspektasi Masyarakat)	226
Jadual 4.17 Petikan Temubual Bersama Informan (Diri Mangsa)	230
Jadual 4.18 Petikan Temubual Bersama Informan (Orang Lain)	234
Jadual 4.19 Petikan Temubual Bersama Informan (Sistem Mezo)	236
Jadual 4.20 Petikan Temubual Bersama Informan (Sistem Makro)	240

Jadual 4.21	Petikan Temubual Bersama Informan (Perspektif Mangsa terhadap Pasangan)	243
Jadual 4.22	Petikan Temubual Bersama Informan (Mengisi Ruang Masa)	249
Jadual 4.23	Petikan Temubual Bersama Informan (Anak sebagai Sumber Kekuatan)	252
Jadual 4.24	Petikan Temubual Bersama Informan (Berfikiran Positif)	253
Jadual 4.25	Petikan Temubual Bersama Informan (Mendapatkan Perkhidmatan Bantuan)	255
Jadual 4.26	Petikan Temubual Bersama Informan (Keluar Rumah)	257
Jadual 4.27	Petikan Temubual Bersama Informan (Menggunakan Pendekatan Agama Islam)	258
Jadual 4.28	Petikan Temubual Bersama Informan (Berkongsi Masalah)	260
Jadual 4.29	Petikan Temubual Bersama Informan (Keberkesanan Daya Tindak)	264
Jadual 4.30	Petikan Temubual Bersama Informan (Pengetahuan Kewujudan Perkhidmatan Sedia Ada)	268
Jadual 4.31	Petikan Temubual Bersama Informan (Kaedah Mendapatkan Bantuan)	272
Jadual 4.32	Petikan Temubual Bersama Informan (Maklum Balas Positif)	275
Jadual 4.33	Petikan Temubual Bersama Informan (Maklum Balas Negatif)	278
Jadual 4.34	Petikan Temubual Bersama Informan (Keperluan Kelangsungan Hidup)	282
Jadual 4.35	Petikan Temubual Bersama Informan (Keperluan Hala Tuju Mangsa)	290
Jadual 4.36	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	295

## SENARAI RAJAH

	<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1 Kerangka Kajian	141
Rajah 4.1 Peringkat Umur Mangsa Keganasan Rumah Tangga	187
Rajah 4.2 Tempat Kelahiran Mangsa Keganasan Rumah Tangga	188
Rajah 4.3 Tempoh Perkahwinan Mangsa Keganasan Rumah Tangga	189
Rajah 4.4 Jenis Pekerjaan Mangsa Keganasan Rumah Tangga	189
Rajah 4.5 Bilangan Anak Mangsa Keganasan Rumah Tangga	192
Rajah 4.6 Rumusan Faktor Penyumbang terhadap Keganasan Rumah Tangga	213
Rajah 4.7 Rumusan Pengaruh Budaya Melayu terhadap Keganasan Rumah Tangga	229
Rajah 4.8 Rumusan Faktor-faktor Pendorong Mangsa Membebaskan Diri	248
Rajah 4.9 Rumusan Bentuk-bentuk Daya Tindak Mangsa Keganasan Rumah Tangga	267
Rajah 4.10 Rumusan Keperluan Perancangan terhadap Mangsa Keganasan Rumah Tangga	295
Rajah 5.1 Penemuan Tema Baru	416
Rajah 5.2 Model <i>Triple P</i> Intervensi Keganasan Rumah Tangga	419

## SENARAI LAMPIRAN

		<b>Muka Surat</b>
Lampiran A	SURAT JAMINAN KAJIAN TERHADAP INFORMAN	478
Lampiran B	BORANG PERSETUJUAN INFORMAN KAJIAN	481
Lampiran C	PANDUAN SOALAN TEMUBUAL	482

# **MASALAH, STRATEGI DAYA TINDAK DAN KEPERLUAN MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA WANITA MELAYU DI PULAU PINANG**

## **ABSTRAK**

Kumpulan etnik Melayu terutama golongan wanita di Malaysia menunjukkan data statistik paling tinggi terlibat dalam masalah keganasan rumah tangga. Perkara ini berkait rapat dengan masalah penderaan, isu ketidaksamaan gender dalam sesebuah budaya, persekitaran sedia ada serta kesejahteraan sosial mangsa keganasan rumah tangga. Kajian tentang permasalahan keganasan rumah tangga, bentuk daya tindak serta keperluan yang bersesuaian dengan kehendak mangsa dalam sesebuah budaya kelompok masyarakat adalah penting difahami dengan lebih mendalam. Tambahan lagi, kajian yang menfokuskan pengalaman hidup mangsa keganasan rumah tangga etnik Melayu kurang dijalankan di negara ini bagi membantu memulihkan kefungsi sosial mangsa. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk: (1) Mengkaji faktor-faktor penyumbang berlakunya keganasan rumah tangga; (2) Menganalisis perkaitan budaya Melayu dalam masalah keganasan rumah tangga; (3) Mengkaji faktor-faktor pendorong mangsa membebaskan diri daripada masalah keganasan rumah tangga; (4) Menganalisis bentuk-bentuk daya tindak mangsa keganasan rumah tangga; (5) Menganalisis bentuk-bentuk keperluan perancangan mangsa selepas berjaya membebaskan diri daripada keganasan rumah tangga; dan (6) Mencadangkan satu rangka keperluan intervensi kerja sosial dan perkhidmatan yang bersesuaian ke arah kefungsi sosial mangsa keganasan rumah tangga. Kajian ini telah menggunakan teori sistem, pendekatan ekologi, teori feminis dan teori daya tindak sebagai kerangka teoritikal bagi membantu memahami serta menjelaskan perhubungan mangsa dan persekitaran sedia ada dengan masalah keganasan rumah

tangga. Dengan menggunakan kajian kualitatif berbentuk eksploratori, seramai 15 orang mangsa keganasan rumah tangga (informan) daripada kalangan wanita berbangsa Melayu telah ditemubual secara mendalam dan perisian NVIVO 8 telah digunakan bagi menganalisis data-data yang telah diperolehi. Hasil kajian mendapati masalah keganasan yang berlaku banyak berpunca daripada kepincangan sistem kekeluargaan serta persekitaran sedia ada, termasuklah budaya masyarakat Melayu setempat yang menyokong ketidaksetaraan gender. Walau bagaimanapun, informan telah menerima sokongan daripada persekitaran sosial sedia ada yang bertindak membantu mereka untuk keluar daripada keganasan rumah tangga. Kejayaan tindakan itu turut didorong pelbagai bentuk daya tindak yang telah digunakan oleh mangsa-mangsa untuk keluar daripada setiap masalah yang dihadapi oleh mereka. Bersandarkan teori daya tindak yang dipelopori oleh Lazarus dan Folkman (1984), kesemua informan telah menggunakan dua bentuk strategi daya tindak. Ini termasuklah daya tindak berfokuskan masalah seperti mendapatkan perkhidmatan bantuan apabila diperlukan dan berkongsi masalah. Informan turut menggunakan bentuk daya tindak berfokuskan emosi seperti mengisi ruang masa, menjadikan anak yang mereka sayangi sebagai sumber semangat dan kekuatan, menjana pemikiran positif, keluar rumah serta menggunakan pendekatan keagamaan sebagai cara mengurangkan segala bentuk tekanan yang dihadapi. Hasil kajian juga telah mengetengahkan beberapa bentuk keperluan asas yang diperlukan bagi perancangan kelangsungan hidup informan-informan pada masa hadapan. Selain itu, penemuan baru dalam kajian ini telah mengklasifikasikan informan selaku mangsa keganasan rumah tangga sebagai golongan yang positif, akan tetapi sering dicabar oleh pengaruh budaya Melayu yang sedia ada dalam diri sendiri, pendera dan juga masyarakat. Di akhir kajian, satu cadangan rangka model intervensi *Triple P* telah

diwujudkan berasaskan kepada pandangan informan yang menfokuskan kepada rawatan pemulihan, pencegahan dan pembangunan diri.

**PROBLEMS, COPING STRATEGIES AND NEED FOR MALAY WOMEN  
VICTIMS OF DOMESTIC VIOLENCE IN PENANG**

**ABSTRACT**

Women, especially from the Malay ethnic group in Malaysia have shown the highest statistics involved in domestic violence problems. This is closely related to the abuse problems, the issue of gender inequality in the culture, the existing environment and the social well-being of the domestic violence's victims. Studies related to domestic violence, coping strategy and needs of victims in a community group are indeed important to understand in greater depth. In addition, studies focusing on the life experiences of the Malay ethnic domestic violence victims still lacking in the country in order to help restore the social functioning of the victims. The objectives of this research are: (1) To study the factors contributing to the occurrence of violence; (2) To analyze the relevance of Malay culture in violence; (3) To examine factors that lead the victims to free themselves; (4) To analyze the form of coping strategies employed by the victims; (5) To analyze victims' needs for future planning after successfully escape from domestic violence situation; and (6) To propose an appropriate social work intervention and services framework that can contribute towards the social functioning of the victims. This study used system theory, ecological approach, feminist theory and coping theory as the theoretical framework to better understand and clarify the victims' relationship and the existing environment in the context of domestic violence problems. With an exploratory qualitative study, a total of 15 Malay women victims of domestic violence (informants) have participated in the in-depth interviews and NVIVO 8 software was used to analyze the data collected. Study findings have indicated that domestic

violence mostly occurred due to dysfunctional of family and environment systems, including the local Malay culture which supports gender inequality. Informants, however have received supports from their social environment which assisted them to escape from violence. The success of such action was supported by various forms of copings used by victims to come out from their problems. Based on coping theory introduced by Lazarus and Folkman (1984), all of the informants have used two types of coping strategies. This include problem focused coping such as getting the necessary help when needed and share their problems. Informants too, used emotion focused coping such as fulfill their time, getting the source of strong courage and strength from their children, building positive thinking, left the house and using religion approach to minimize all of their stressors. Study findings have also identified informants' basic needs for better survival planning in the future. In addition, the study have classified the informants being the victims of domestic violence as positive but often was continuously challenged by the influence of Malay culture which was existed among the victims themselves, abuser and community. Finally, a proposed model framework of *Triple P* intervention was created based on informants' opinions which focus on remedial treatment, prevention and self development.

## **Bab 1**

### **1.1 Pendahuluan**

Keganasan rumah tangga merupakan bentuk penganiayaan kepada individu yang dilakukan dalam bentuk fizikal dan juga mental secara sengaja tanpa mengira bangsa, kaum, serta warna kulit dan perkara tersebut memberikan kesan negatif terhadap individu yang terlibat (Sharil & Ismail, 2013). Keganasan rumah tangga adalah satu bentuk corak keganasan yang dilakukan oleh salah seorang ahli keluarga terhadap ahli yang lain dan secara tidak langsung menjadi masalah moral yang melanggar hak asasi manusia serta meningkatkan kos nilai sosial dalam negara (Oyunbileg, Sumberzul, Udual, Wang, & Janes, 2009). Selain itu, keganasan juga mungkin boleh berlaku kepada mangsa lelaki atau wanita yang terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin, bersekedudukan atau sedang menjalani hubungan yang serius. Dalam hal ini, individu-individu yang terlibat merangkumi mereka yang sudah berpisah serta mereka yang masih tinggal berasingan dengan bekas pasangan masing-masing.

Terdapat pelbagai jenis takrifan berkaitan keganasan rumah tangga. Menurut Bahari, Usman dan Ninggal (2008), keganasan rumah tangga atau keluarga ditakrifkan sebagai satu bentuk jenayah yang berunsurkan paksaan, sama ada secara fizikal dan psikologi bagi tujuan memenuhi permintaan matlamat diri. Perkara ini seterusnya mengakibatkan penganiayaan terhadap individu lain yang merupakan sebahagian daripada ahli keluarga itu sendiri. Menurut Jordan (1977) pula, penderaan wanita boleh diklasifikasikan sebagai wanita yang menerima pukulan, layanan yang kejam, tindakan yang membahayakan diri atau bentuk serangan daripada mana-mana ahli keluarga atau sebaliknya dalam sesebuah institusi keluarga. Penderaan yang

berlaku terhadap isteri adalah satu tingkah laku yang berpaksikan jenayah dan terjadi dalam kelompok masyarakat pada masa kini.

Menurut Mariny, Sabasiah dan Azizul (2016) keganasan rumah tangga diterjemahkan sebagai bentuk penyalahgunaan kuasa gender dalam perhubungan intim antara seseorang individu yang kebiasaannya golongan lelaki, dengan cara mengawal dan mendominasi pasangan yang kebiasaannya adalah wanita. Tindakan kuasa ini yang dilakukan dalam bentuk fizikal, seksual, ekonomi dan psikologikal mampu memberi kesan negatif terhadap wanita yang sentiasa hidup dalam ketakutan.

Menurut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT), definisi keganasan rumah tangga dimaksudkan dengan mana-mana bentuk perbuatan seperti berikut:

- i. Secara sengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa itu dalam ketakutan, kecederaan fizikal;
- ii. Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan suatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- iii. Memaksa mangsa itu dengan paksaan atau mengancam untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak lakukan;
- iv. Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu; atau
- v. Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (26 April, 2017) dalam mesyuarat Parlimen ke tiga belas di Dewan Negara menyatakan kementerian sangat mengambil serius isu kes keganasan rumah tangga terhadap

wanita di negara ini. Oleh yang demikian, pindaan pertama keganasan rumah tangga 1994 pada 21 Disember 2012 telah dikuat kuasa pada 20 Februari tahun 2013.

Perkara ini bertujuan untuk meluaskan takrifan keganasan rumah tangga yang bukan hanya menfokus kepada bentuk fizikal, malah turut menekankan bentuk penderaan emosi, mental, psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan serta memberi kesan delusi kepada mangsa dan kanak-kanak. Beliau turut menjelaskan kepentingan semua pegawai yang mengendalikan perkhidmatan kes keganasan rumah tangga menerima taklimat sebagai satu bentuk program advokasi ke arah peningkatan tahap kefahaman dan pengetahuan untuk mengendalikan kes keganasan rumah tangga selain menekankan pelbagai peranan dan tanggungjawab penting setiap agensi berkaitan pengendalian kes ini.

Terdapat penambahbaikan kepada akta yang sedia ada bagi memastikan kerelevanan akta ini dengan keadaan semasa. Justeru, bacaan pertama rang undang-undang keganasan rumah tangga bagi pindaan 2017 di Dewan Rakyat telah menyentuh penambahbaikan lima elemen utama merangkumi:

- i. Memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga berkaitan tindakan:
  - a) Menggelapkan harta mangsa sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian aspek kewangan;
  - b) Mengugut mangsa dengan niat untuk memberi mangsa rasa ketakutan, menjejaskan keselamatan diri sendiri atau pihak ketiga atau mengalami kesedihan, dan
  - c) Berhubung dengan mangsa atau pihak ketiga tentang mangsa dengan niat mengaibkan kehormatan mangsa melalui sebarang bentuk cara, elektronik atau sebaliknya.
- ii. Memperkenalkan perintah perlindungan kecemasan (EPO);

- iii. Pembelian hak penghunian eksklusif bersama kepada mangsa;
- iv. Memperkenalkan program pemulihan; dan
- v. Penambahbaikan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO).

Keganasan rumah tangga merupakan salah satu bentuk masalah sosial yang sangat serius dan telah dianalisis oleh kebanyakan pakar penyelidikan selama ini (Bogeanu, 2012). Masalah itu sudah bertapak sejak dulu lagi namun masih tidak dapat dihapuskan, sebaliknya terus menyumbang kepada komplikasi negatif terhadap sesebuah negara dan juga kesejahteraan hidup individu yang terlibat. Laporan statistik World Health Organization (2013) telah memaparkan peratusan keganasan terhadap wanita yang mengalami penderaan fizikal dan seksual secara global. Laporan itu menunjukkan Asia Tenggara mencatat jumlah peratusan paling tinggi iaitu 37.7% dan diikuti dengan Mediterranean Timur iaitu 37 %. Afrika pula mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 36.6% manakala Amerika adalah 29.8%. Rantau-rantau lain seperti Eropah dan Barat Pasifik masing-masing mencatatkan peratusan angka 25.4% dan 24.6%. Berdasarkan hasil laporan itu, Malaysia merupakan salah sebuah negara dalam lingkungan Asia Tenggara yang menyumbang terhadap peratusan keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita. Selain itu, Jabatan Penerangan Malaysia (2015) menerangkan hampir 30 % orang wanita pernah mengalami keganasan berbentuk fizikal oleh pasangan masing-masing dan jumlah itu dicatatkan oleh beberapa negara maju seperti Kanada, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Laporan kajian Kishor dan Johnson (2004) pula mendapati lebih 50 peratus wanita pernah menjadi mangsa penderaan dalam rumah tangga pada peringkat global.

Penderaan wanita di barat merupakan satu tradisi lama dalam kalangan masyarakat yang boleh dirujuk melalui era zaman terdahulu. Menurut Langley dan Levy (1977), pemahaman serta sikap masyarakat di negara barat semasa perang saudara membenarkan tingkah laku memukul isteri atas tujuan mendatangkan kebaikan kepada isteri. Masyarakat ketika itu mengandaikan semua wanita tidak mempunyai kemampuan diri dan tidak bijak memilih sesuatu yang baik secara biologikal. Dalam hal ini, kaum lelaki bertanggungjawab memperbetulkan isteri mereka dari semasa ke semasa. Kajian itu turut menerangkan masalah penderaan terhadap wanita semakin berkurangan disebabkan bentuk perundangan yang diterima pakai tidak dipedulikan lagi serta kuasa suami untuk melakukan penderaan fizikal semakin berkurangan selari dengan perubahan adat yang berlaku dalam masyarakat itu (Langley & Levy, 1977).

Selain itu, Davidson (1977) menerangkan Napoleon Bonaparte di Perancis telah menggubal kod sivil yang menggariskan wanita sebagai salah satu bentuk harta benda. Dalam hal ini, semua bapa mempunyai hak sepenuhnya terhadap anak perempuan mereka dan hak itu bertukar kepada suami selepas berlangsungnya sesebuah perkahwinan (Davidson, 1977). Dobash dan Dobash (1978) menjelaskan bahawa kaum isteri perlulah mentaati suami, dan suami berhak untuk menghukum isteri jika mereka melakukan sebarang bentuk kesalahan. Di samping itu, Pressman (1984) menterjemahkan salah satu bentuk undang-undang Roman iaitu golongan suami perlu menguasai isteri mereka dan hal ini berkait rapat dengan masalah dalam konteks perhubungan rumah tangga. Hasil kajian Anderson dan Zinsser (1989) juga selaras dengan kod dalam masyarakat barat iaitu semua wanita termasuk golongan isteri dikuasai sepenuhnya oleh lelaki kerana mereka hanya dianggap sebagai suatu bentuk harta benda. Berdasarkan beberapa penjelasan yang ada, terbukti kod-kod

yang telah diterima pakai mampu meningkatkan masalah keganasan rumah tangga secara global, terutamanya terhadap penguasaan dan monopoli gender iaitu kaum lelaki terhadap wanita.

Muslihah, Rojanah dan Sa'odah (2016) menerangkan keganasan rumah tangga adalah masalah peribadi yang tidak dibincangkan secara terbuka dan berbentuk tragik kerana masalah ini kebanyakannya berlaku dalam persekitaran rumah yang sepatutnya menjadi tempat individu mendapatkan keperluan asas termasuk perlindungan dan kasih sayang. Apabila menyentuh aspek nilai sesebuah perkahwinan pula, majoriti mangsa dalam kajian ini berpendapat penceraian adalah jalan terakhir kerana kesucian ikatan perkahwinan sepatutnya dipelihara dan kekal selamanya (Noraida Endut & Intan Hashimah Mohd Hashim, 2011). Tambahan lagi, pelbagai perkara yang berkaitan perkahwinan merupakan isu peribadi dan tidak sesuai dibincangkan dengan orang luar. Justeru, bentuk pemikiran ini mampu menjadi penghalang wanita untuk mencari jalan keluar bagi mendapatkan bantuan, dan seterusnya meningkatkan keupayaan untuk terus bertahan sebagai mangsa keganasan rumah tangga.

Tumin (2006) pula menjelaskan masalah keganasan rumah tangga di Malaysia sebelum era tahun 1980an sering dianggap sebagai suatu bentuk masalah bagi orang perseorangan. Hal ini kerana pertelingkahan yang berlaku dalam keluarga biasanya diselesaikan secara kekeluargaan atau dipendam tanpa mencapai jalan penyelesaian. Pada ketika itu, hanya terdapat campur tangan oleh pihak pendamai seperti ibu bapa, saudara mara serta jiran tetangga sekiranya pertelingkahan yang berlaku menjurus terhadap bentuk-bentuk keganasan. Seterusnya, penglibatan pihak polis hanya diperlukan jika berlaku kecederaan parah dan kematian. Beliau turut menjelaskan bermula era pertengahan tahun 1980an, mula wujud kesedaran orang

ramai bahawa isu keganasan rumah tangga bukan hanya merupakan masalah peribadi, sebaliknya perkara itu adalah masalah dalam masyarakat.

Menurut Shaharom dan Samah (2017), Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang merupakan perjanjian hak asasi manusia antarabangsa pertama telah mula berkuatkuasa pada tahun 1981. Konvensyen ini menekankan konsep kesamataran gender dan pemerksaan wanita serta menjadi alat pengukuran bidang perundangan yang utama melalui penumpuan terhadap keperluan wanita. Justeru, CEDAW telah diterima pakai oleh Malaysia untuk diadaptasi dalam konteks negara ini. Sehingga kini, konvensyen ini memuji tindakan berterusan Malaysia bagi mewujudkan perundangan baru berkaitan keganasan terhadap wanita termasuk usaha negara ini terhadap pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang telah dilakukan baru-baru ini.

Selari dengan itu, usaha keras Malaysia menerusi Dasar Wanita Negara (1989) turut diwujudkan bagi tujuan menghapuskan pelbagai bentuk diskriminasi gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan CEDAW. Dasar ini menfokuskan penilaian semula serta menggubal perundangan dan peraturan sedia ada bagi menjamin peningkatan keadilan gender, perlindungan, keselamatan, hak keadilan wanita dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan. Selain itu, Women's Centre for Change (WCC, 2017) menyatakan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 secara tidak langsung telah mengiktiraf masalah keganasan rumah tangga sebagai satu masalah sosial dalam kalangan masyarakat dan tidak perlu disembunyikan lagi oleh mangsa. Hal ini kerana masalah ini merupakan bentuk jenayah di bawah kanun keseksaan. Datuk Chew Mei Fun yang merupakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (April 26, 2017) telah menerangkan bentuk-bentuk kes jenayah bawah kanun keseksaan yang melibatkan

mangsa golongan wanita adalah pencabulan kehormatan, sumbang mahram, rogol dan kesalahan perlakuan luar tabii.

Pihak kerajaan juga telah mengambil serius masalah sosial ini dengan melaksanakan penggubalan Dasar Sosial Negara pada tahun 2003 yang menekankan penghayatan aspek moral dan nilai dalam masyarakat yang progresif bagi mencapai wawasan 2020 negara. Dasar itu berusaha untuk meningkatkan sistem sokongan sosial yang sedia ada selain memantau perkhidmatan sosial ke arah kualiti yang bermutu tinggi. Dalam hal ini, kesejahteraan keluarga yang merupakan salah satu aspek penting dalam dasar itu menfokuskan kepentingan institusi keluarga yang stabil dan harmoni bagi menjamin kesejahteraan hidup termasuklah mangsa keganasan rumah tangga. Selain itu, keperluan-keperluan yang khusus turut diberi perhatian dalam menyampaikan perkhidmatan sosial yang berkesan terhadap kebajikan mangsa.

Isu ini bukan sahaja melibatkan penyeksaan secara mental dan fizikal, malah boleh membawa kepada kematian. Kajian Gorde, Helfrich, dan Finlayson (2004) menunjukkan mangsa keganasan mengalami masalah mental disebabkan perasaan takut serta tertekan, di samping menerima kesan fizikal yang kronik sehingga boleh menggugat kefungsi harian serta kesejahteraan hidup mangsa. Sekiranya keganasan ini terus berlaku, tidak mustahil masalah ini turut menyumbang kepada peningkatan kadar kematian dalam negara.

Datin Paduka Che Mei Fun iaitu Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2017) menjelaskan KPWKM sangat mengambil berat isu kes keganasan rumah tangga terhadap golongan wanita di Malaysia berdasarkan angka statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang tahun 2010 hingga bulan Mac 2017 dimana sejumlah 57,519 kes telah dilaporkan berkaitan keganasan

terhadap wanita yang merangkumi kes keganasan rumah tangga serta kes-kes jenayah bawah kanun keseksaan. Lebih membimbangkan lagi, mangsa iaitu wanita yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga mencatatkan jumlah sebanyak 23,212 kes atau 40% daripada jumlah keseluruhan itu. Jumlah yang besar ini secara tidak langsung telah memaparkan tahap keseriusan masalah dalam keluarga yang melanda masyarakat di negara ini. Tambahan pula, jumlah ini tidak termasuk angka kes yang tidak dilaporkan oleh mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga pada tempoh berkenaan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kajian yang dijalankan di Malaysia oleh Women's Development Research Centre (KANITA) pada tahun 2013 telah mengesan sebanyak 8% daripada setiap pasangan wanita dan lelaki sama ada sudah berkahwin atau sebaliknya di kawasan Semenanjung Malaysia pernah mengalami masalah keganasan rumah tangga dalam kehidupan mereka (Rashidah, Noraida, Siti Hawa, Intan, Sarimah, Siti Waringin, Puzziawati, Gaayathri, Nur Saffiah & Siti Shahrizatil Husna, 2013). Pecahan peratusan itu secara tidak langsung menunjukkan bahawa hampir 800,000 orang wanita di Malaysia sebenarnya telah terlibat dalam masalah penderaan (Muslihah et al., 2016). Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa keganasan rumah tangga telah berlaku di rumah yang sepatutnya menjadi tempat memperolehi keperluan asas iaitu kebahagiaan, jaminan keselamatan dan perlindungan daripada sebarang bentuk ancaman. Situasi ini menggambarkan bahawa Malaysia tidak terkecuali dengan pelbagai bentuk masalah sosial, termasuklah isu keganasan rumah tangga, khususnya dalam kalangan kaum wanita. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, peningkatan terhadap kajian dan pembangunan perlu diberi tumpuan dalam bidang sains sosial dan tidak hanya berfokus terhadap bidang sains dan teknologi sahaja

(Abdullah, 2010). Hal ini kerana isu keganasan rumah tangga yang berlaku saban hari dilihat semakin membimbangkan dan kajian terperinci perlu dipergiatkan bagi mengurangkan tahap permasalahan ini.

Di Malaysia, pengubahan Dasar Wanita Negara (DWN) pada tahun 1989 yang menekankan pembasmian diskriminasi serta membaiki kelemahan perundangan untuk menjamin hak wanita boleh diguna pakai dalam membincangkan isu keganasan yang berlaku terhadap kaum wanita terutama golongan isteri. Namun, tidak semua golongan wanita yang berada di bandar mahu pun luar bandar mengetahui tentang isi kandungan DWN dengan lebih jelas. Hal ini kerana kurang pendedahan terhadap hak serta tindakan yang perlu diambil, termasuklah dari aspek perundangan sekiranya berada dalam persekitaran keluarga yang terdedah dengan keganasan. Akibatnya, ramai yang masih terjerat dengan penderaan yang berlaku kerana gagal mencari jalan keluar bagi menyelamatkan diri. Perkara ini sejajar dengan hasil kajian Oyunbileg et al., (2009) yang menunjukkan mangsa keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di Mongolia adalah akibat kekurangan informasi berkaitan aspek perundangan, khususnya kurang usaha kerajaan negara itu dalam penyampaian maklumat berkaitan kewujudan penguatkuasaan undang-undang terhadap masyarakat amnya.

Menurut Tengku Mansur (Utusan, 2010), statistik keganasan rumah tangga terhadap golongan wanita secara puratanya menunjukkan peningkatan bagi setiap tahun dan secara tidak langsung menjadi isu yang menggerunkan di negara ini. Kesannya, pelbagai bentuk masalah sosial yang lain turut terjadi seperti pembuangan bayi, pengasingan sosial, jenayah rogol dan juga sumbang mahram. Perundangan di Malaysia dilihat dapat mengawal permasalahan ini, namun isu itu tidak dapat dibendung secara menyeluruh jika dilihat dari aspek pelaksanaan serta tahap

kesedaran yang lemah berkaitan isu keganasan rumah tangga. Hal ini kerana perundangan merupakan satu bentuk garis panduan dan dasar dalam masyarakat ke arah kestabilan hidup, tetapi bukanlah satu bentuk penyelesaian mutlak terhadap masalah keganasan rumah tangga (Tengku Mansur, Utusan 2010).

Selain itu, Bahari et al. (2008) menerangkan saban hari, kaum wanita yang bergelar isteri sering menjadi mangsa terhadap pelbagai bentuk jenayah keganasan rumah tangga yang boleh mendatangkan gangguan emosi sehingga menyebabkan kemurungan dan tindakan membunuh diri sebagai jalan singkat bagi menghilangkan tekanan sedia ada. Anak-anak juga menghadapi tekanan psikologikal yang boleh membawa kepada tindakan bunuh diri di samping mengalami kemurungan dan seterusnya menjejaskan bentuk hubungan interaksi sosial dengan orang lain. Dalam hal ini, tidak mustahil anak-anak turut menjadi mangsa keganasan dan seterusnya mendatangkan kesan buruk yang berpanjangan terhadap diri mangsa, ahli keluarga dan masyarakat amnya. Perkara ini jelas ditekankan oleh Corvo dan Carpenter (2000) yang mendapati anak-anak yang sudah lama terdedah dengan keganasan sejak zaman kanak-kanak lagi turut mencetuskan keganasan dalam perhubungan apabila mereka dewasa kelak.

Menurut Arifin (2010), permasalahan keluarga dan isu penceraian merupakan antara faktor utama yang mampu meningkatkan masalah sosial di Malaysia. Mangsa yang mengalami keganasan rumah tangga serta penceraian kebiasaannya akan mengalami masalah psikologikal atau boleh terlibat dengan pelbagai gejala negatif termasuklah penagihan dadah, pelacuran dan aktiviti jenayah. Dalam hal ini, sistem sosial lain seperti anak-anak turut menerima impak negatif akibat menyaksikan konflik pergaduhan antara ibu bapa. Sekiranya perkara ini tidak dibendung, masalah sosial ini menjadi lebih teruk kerana turut melibatkan kelompok masyarakat serta

negara dan seterusnya, memberikan kesan negatif terhadap generasi muda di Malaysia.

Di Malaysia, fakta dan angka menunjukkan masalah keganasan rumah tangga dipandang serius oleh semua pihak termasuk kementerian-kementerian yang berkaitan menangani sebarang permasalahan sosial. Statistik yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) menunjukkan sejumlah 2,986 kes telah dilaporkan di sepanjang tempoh tahun 2006 hingga Jun 2011. Hasil penelitian statistik sepanjang lima tahun ini turut mendapati kaum Melayu merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 1,635 kes keganasan rumah tangga daripada jumlah keseluruhan kes yang dicatatkan. Dalam hal ini, majoriti peningkatan kes keganasan lebih dipelopori oleh kaum Melayu berbanding kaum-kaum lain dan ianya secara langsung menimbulkan tanda tanya semua pihak.

Sumber laporan statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia berkaitan kes keganasan rumah tangga pada tahun 2010 turut memaparkan jumlah tertinggi mangsa wanita iaitu 663 orang daripada jumlah keseluruhan sebanyak 695 orang. Daripada jumlah keseluruhan itu pula, kumpulan etnik Melayu sekali lagi menunjukkan angka tertinggi iaitu seramai 409 orang. Lebih membimbangkan lagi, mangsa tertinggi terdiri daripada kaum wanita Melayu iaitu 397 orang berbanding hanya 12 orang lelaki sahaja yang dilaporkan. Jumlah wanita Melayu yang menjadi mangsa keganasan ini secara tidak langsung menunjukkan angka melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan bagi mangsa wanita mengikut kumpulan etnik lain dalam laporan tersebut.

Sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2010 melaporkan jumlah keseluruhan penduduk mengikut kumpulan etnik bagi negeri Pulau Pinang adalah seramai 1,526,324 orang. Daripada jumlah statistik itu, kaum Cina merupakan

etnik paling ramai iaitu 654,828 orang dan diikuti oleh kaum Melayu 622,578 orang, India 149,905 orang, lain-lain 5,243 orang dan juga bukan warganegara iaitu seramai 87,771 orang. Walau bagaimanapun, bilangan keganasan rumah tangga di negeri itu mengikut kumpulan etnik telah menunjukkan kaum Melayu merupakan jumlah mangsa tertinggi dilaporkan di JKM Pulau Pinang. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi menjalankan kajian ini di negeri Pulau Pinang bagi meneliti dengan lebih mendalam masalah keganasan rumah tangga, khasnya dalam kalangan golongan Melayu.

Kebanyakan golongan wanita di negara ini menjadi mangsa keganasan rumah tangga oleh pasangan masing-masing. Perkara itu dibuktikan melalui dapatan jumlah statistik bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut negeri bagi tahun 2009 hingga 2012 daripada sumber JKMM. Hasil statistik memaparkan daripada jumlah keseluruhan bagi setiap negeri di Malaysia iaitu 2,328 kes, golongan wanita merupakan majoriti mangsa yang dilaporkan iaitu 96.5 peratus, manakala hanya 3.5 peratus sahaja terdiri daripada kaum lelaki. Justeru, jumlah ini boleh mencetuskan kebimbangan terutama terhadap negara bagi mencapai keadilan serta kesejahteraan hidup terutama terhadap golongan wanita jika masalah ini masih lagi tidak ditangani dengan lebih berkesan.

Fenomena sama turut berlaku jika dilihat dalam konteks yang lebih besar berdasarkan jumlah statistik JKMM bagi seluruh negeri di Malaysia. Seramai 270 orang wanita dilaporkan menjadi mangsa keganasan berbanding hanya tujuh kes yang melibatkan golongan lelaki sepanjang tempoh bulan Januari hingga Jun tahun 2012. Lanjutan daripada itu, jumlah mangsa dera tertinggi sekali lagi menunjukkan kaum wanita Melayu iaitu seramai 153 orang daripada jumlah keseluruhan 158 kes yang melibatkan kaum Melayu. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan

ketidaksamarataan antara kaum dalam konteks keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia amnya dan negeri Pulau Pinang khasnya. Justeru, kajian ini melihat akan keperluan dan kepentingan menjalankan kajian ini bagi mengupas permasalahan keganasan yang berlaku dalam kalangan kaum wanita Melayu, terutama di negeri Pulau Pinang.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Pulau Pinang turut menunjukkan jumlah data statistik tertinggi bagi kaum Melayu iaitu 25 orang mangsa daripada 63 kes yang dilaporkan sepanjang tempoh tahun 2011. Selain itu, kaum Cina hanya mencatat jumlah sebanyak 12 kes dan diikuti kaum India iaitu 23 kes serta 3 kes lagi adalah dari kategori lain-lain. Statistik di negeri itu semakin menunjukkan tahap yang serius kerana dalam tempoh empat bulan pertama tahun berikutnya, kaum Melayu turut mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 11 kes daripada 26 kes yang dilaporkan. Lebih teruk lagi, semua mangsa yang dilaporkan pada tahun 2011 dan 2012 adalah terdiri daripada golongan wanita. Seterusnya, peningkatan bagi jumlah kes keganasan rumah tangga di negeri itu terus berlaku terutama bagi kumpulan etnik Melayu. Hal ini merujuk kepada angka statistik keganasan rumah tangga terkini mengikut kumpulan etnik yang diperolehi daripada JK M negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013. Kaum Melayu terus menunjukkan peningkatan kepada 28 kes daripada jumlah keseluruhan 60 kes yang telah dilaporkan pada tahun itu. Hasil laporan itu turut menunjukkan semua mangsa Melayu yang terlibat dipelopori oleh golongan wanita. Justeru, kajian secara khusus yang menekankan bentuk permasalahan serta faktor pendorong tindakan mangsa bagi menangani isu keganasan itu dalam kalangan wanita Melayu perlu dijalankan, terutama di negeri Pulau Pinang. Dengan adanya kajian terperinci, permasalahan sebenar yang dihadapi oleh golongan wanita Melayu dalam keganasan rumah tangga

dapat dicungkil dan seterusnya memahami faktor penarik terhadap pola daya tindak mangsa-mangsa itu bagi menangani masalah yang dihadapi.

Selain itu, kajian ini dilihat relevan dengan keadaan semasa berdasarkan data statistik terkini iaitu sepanjang tempoh tahun 2011 sehingga bulan Jun tahun 2014, golongan wanita Melayu masih menunjukkan angka tertinggi menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Statistik itu merujuk kepada laporan yang disediakan oleh JKM negeri Pulau Pinang iaitu sepanjang tahun 2011 sahaja, majoriti mangsa dipelopori oleh wanita Melayu iaitu seramai 25 orang dan angka itu meningkat kepada 28 orang pada dua tahun berikutnya. Tambahan lagi, hanya dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2014, graf statistik yang melibatkan mangsa wanita Melayu telah mencatat 23 kes. Hasil statistik sepanjang tempoh itu juga secara tidak langsung dapat menjelaskan kaum lelaki tidak memainkan peranan yang sepatutnya seperti yang digariskan oleh agama Islam terutama sekali dalam membincangkan isu keganasan rumah tangga yang berlaku khususnya terhadap golongan wanita Melayu. Hal ini kerana data statistik sepanjang empat tahun itu menunjukkan kaum lelaki Melayu yang beragama Islam lebih banyak dilaporkan mendera isteri masing-masing berbanding kaum-kaum lain. Perkara ini secara tidak langsung menggambarkan kedudukan sebenar penderitaan golongan wanita Melayu yang beragama Islam rentetan keganasan yang dialami dalam kalangan masyarakat Melayu terutama di negeri Pulau Pinang.

Masalah keganasan rumah tangga berlaku disebabkan pelbagai faktor penarik yang berkait rapat dengan pasangan dalam sesebuah perkahwinan. Hasil analisis statistik JKMM sepanjang tempoh bulan Januari hingga Jun 2012 mendapati faktor penyumbang tertinggi keganasan rumah tangga berpunca daripada masalah perselisihan faham sementara jenis penyelesaian paling banyak diambil oleh mangsa

wanita adalah berpisah iaitu tinggal berasingan tetapi tidak bercerai. Dalam hal ini, tiada paparan data statistik berkaitan faktor yang menjadi pendorong motivasi kepada mangsa-mangsa keluar daripada dunia keganasan yang dialami mereka selama ini. Penekanan faktor ini dapat melihat tahap kekuatan mangsa di samping menghindari mangsa daripada kembali semula kepada pasangan yang kejam. Justeru, perkara ini dilihat penting untuk diketengahkan dan dikenal pasti dalam kajian ini supaya keperluan sokongan sebenar seseorang mangsa dapat dipenuhi sama ada daripada faktor luaran atau dalam diri mangsa sendiri.

Pelbagai langkah telah diambil bagi mengatasi masalah berkaitan isu keganasan rumah tangga di negara ini. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 merupakan salah satu bidang perundangan di Malaysia yang tidak mengetepikan hak kaum isteri yang teraniaya bagi mendapatkan keadilan sosial, perlindungan di samping memberikan kesedaran kepada masyarakat umum berkaitan tahap keseriusan jenayah keganasan rumah tangga. Walau bagaimanapun, masalah berkaitan keganasan rumah tangga masih berlaku malah menjadi bertambah serius. Noraida Endut (2011) pula menjelaskan perundangan adalah alat pengukuran baik dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan hak keadilan sosial serta perkhidmatan intervensi yang bersesuaian terutama kepada wanita mangsa keganasan rumah tangga. Namun, beberapa kelemahan undang-undang di Malaysia telah dikenal pasti dalam mengendalikan masalah keganasan rumah tangga. Perkara ini disebabkan wujud konsep patriarkal berasaskan gender menerusi perhubungan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat. Sementara itu, laporan Women's Centre For Change (WCC) menunjukkan penguatkuasaan aspek undang-undang bagi menangani isu permasalahan ini semakin merosot. Hal ini kerana agensi itu banyak menerima aduan bahawa laporan penderaan yang dibuat oleh mangsa telah diabaikan

oleh sebahagian kakitangan badan penguatkuasaan. Kesannya, mangsa berasa putus asa dan terpaksa mencari jalan singkat kembali semula kepada pasangan serta meneruskan hidup dalam kekejaman seperti dahulu.

Selain itu, kenyataan Encik Yusmin iaitu penolong pegawai pembangunan masyarakat JKM Pulau Pinang dalam temubual bertarikh 14 Mei, 2014 (*personal interview*, 2014) melaporkan bahawa pihak institusi JKM tidak melakukan perkhidmatan susulan selepas membantu mangsa mendapatkan IPO dan tempat perlindungan kerana tugas seterusnya dilakukan oleh pihak polis. Pihak JKM hanya melihat bentuk keperluan yang difikirkan sesuai seperti bantuan kewangan terhadap anak-anak dan juga mangsa dera. Dalam hal ini, tiada lawatan ke rumah dilakukan terhadap mangsa-mangsa sama ada dalam jangka masa pendek atau sebaliknya bagi memantau tahap kehidupan mereka selepas mengambil tindakan meninggalkan pasangan masing-masing. Kekangan ini perlu diberi perhatian bagi memastikan keadaan serta keperluan bersesuaian dengan mangsa serta anak-anak ke arah kefungisian sosial yang baik.

Di Malaysia, beberapa kajian yang berlatar belakangkan keganasan rumah tangga telah dijalankan. Antaranya, Abd. Hamid, Balwi, Othman dan Kassim (2004) mendapati masalah sosial termasuk keganasan rumah tangga dalam masyarakat Melayu kini semakin parah sedangkan Islam merupakan agama yang telah diterima pakai dalam kelompok masyarakat itu. Hal ini berlaku disebabkan dinamik Islam seolah-olah telah pupus dalam jiwa dan pemikiran masyarakat Melayu dan perkara ini memberikan impak negatif terhadap institusi kekeluargaan. Sulaiman (2013) pula menekankan bahawa agama Islam menjadi teras kepada corak identiti serta kebudayaan Melayu di Malaysia. Menerusi kajian beliau, agama Islam telah mempengaruhi bentuk budaya dan juga sistem kehidupan masyarakat Melayu di

negara ini. Menurutnya, kajian-kajian terdahulu lebih menfokuskan kepada perspektif agama Islam sebagai pengaruh dalam budaya Melayu terhadap masalah keganasan rumah tangga. Sebaliknya, kajian ini tidak hanya menfokuskan kepada elemen keagamaan untuk mengkaji perkaitan pengaruh budaya Melayu dalam masalah keganasan rumah tangga, malah kajian ini akan turut melihat elemen-elemen lain dalam budaya Melayu yang menjadi pendorong kepada keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita Melayu, khususnya di negeri Pulau Pinang.

Kajian yang dijalankan oleh Intan Hashimah Mohd Hashim dan Noraida Endut (2009) telah menyentuh gambaran keganasan daripada perspektif Malaysia. Bentuk kajian itu dilakukan kerana aspek dinamik masalah keganasan rumah rumah tangga masih kurang di lakukan di negara ini. Justeru, kajian itu menfokuskan sifat dan corak keganasan rumah tangga di Malaysia menerusi laporan-laporan One-Stop Crisis-Center (OSCC) sepanjang tempoh enam bulan di tiga buah hospital awam iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Melaka dan Hospital Kuala Lumpur. Selain itu, data kajian ini diperolehi daripada 206 pesakit wanita iaitu mangsa keganasan rumah tangga yang telah mendapatkan bantuan rawatan di OSCC, Hospital Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati mangsa-mangsa terdiri daripada pelbagai latar belakang agama dan etnik, namun kaum Melayu beragama Islam mencatatkan jumlah paling ramai terlibat dalam masalah keganasan rumah tangga. Selain itu, majoriti mangsa telah berkahwin dan suami lebih cenderung melakukan penderaan fizikal berbanding bentuk penderaan lain. Justeru, penting untuk menjalankan kajian ini kerana hasil kajian sedia ada menunjukkan golongan wanita Melayu adalah kumpulan sasar paling ramai terlibat dalam masalah keganasan rumah tangga. Penekanan keperluan aspek persekitaran budaya Melayu yang merupakan salah satu objektif kajian dapat

membantu mencungkil serta memahami permasalahan kumpulan sasar ini dengan lebih mendalam.

Kelvin, Noraida, Intan Hashimah, Nor Hafizah dan Azmawati (2016) turut mendapati kajian ideologi maskulin dalam sesebuah masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum masih kurang dilakukan secara menyeluruh berbanding di negara Barat. Justeru, kajian ini telah menekankan keperluan menfokus kepada konsep maskulin melalui penelitian berbentuk ideologi maskulin dalam kalangan lelaki di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Hasil kajian ini mengesan bahawa golongan lelaki jelas menunjukkan ciri-ciri tingkah laku agresif dan penderaan. Keganasan rumah tangga merupakan antara wabak penghalang terhadap ahli keluarga untuk memenuhi keperluan iaitu kebahagiaan serta kesejahteraan sosial dalam institusi kekeluargaan. Hasil kajian ini juga menjelaskan kaum lelaki yang bertindak sebagai suami atau ahli keluarga lelaki merupakan pendera utama dalam keganasan rumah tangga. Golongan lelaki kebiasaannya bertindak sebagai sistem kawalan utama yang membentuk konsep patriakal dalam institusi keluarga.

Berbeza dengan hasil kajian yang sedia ada, kajian ini cuba melihat cabang keperluan kajian ini dalam konteks permasalahan keganasan rumah tangga di negeri Pulau Pinang dengan hanya menfokuskan terhadap etnik Melayu selari dengan objektif kajian yang telah disasarkan. Menerusi cara ini, kajian ini dapat mengesan perkaitan pengaruh ideologi gender yang menyumbang kepada struktur budaya patriaki dalam masyarakat Melayu terhadap mangsa wanita Melayu di negeri Pulau Pinang.

Ali (2008) mendapati sesetengah masyarakat masih beranggapan wanita yang berperanan sebagai ibu dan isteri perlu melakukan pelbagai tugas berat demi

kesejahteraan anak-anak dan suami sedangkan kejayaan pembangunan sesebuah keluarga adalah berasaskan tanggungjawab bersama sebagai pasangan suami isteri. Hasil kajian Ali (2008) menunjukkan struktur formal dalam masyarakat setempat masih lagi tidak menerima perubahan positif kerana terdapat segelintir anggota masyarakat yang tidak menerima bentuk perkahwinan yang berasaskan dominasi suami terhadap isteri, iaitu masih beranggapan peranan kaum wanita dalam urusan rumah tangga lebih tertumpu kepada pembahagian tugas berbentuk primer hingga menimbulkan pelbagai tekanan terhadap golongan ini. Kajian ini mendapati kajian sedia ada ini hanya menyentuh pengaruh pemikiran masyarakat secara umum tentang peranan gender. Sebaliknya, penumpuan aspek ideologi peranan gender dalam konteks etnik tertentu penting untuk diketengahkan bagi memahami bentuk pemikiran sesebuah masyarakat itu terhadap masalah ini. Oleh itu, terdapat keperluan menjalankan kajian ini bagi melihat kepentingan konsep ideologi peranan gender terhadap pengaruh budaya kumpulan wanita Melayu yang dilihat lebih berisiko tinggi terlibat dengan masalah keganasan rumah tangga di Pulau Pinang.

Selain itu, Tengku Nur Fadzilah, Siti Hawa dan Halim (2015) turut menjalankan satu kajian berkaitan perkhidmatan bantuan dalam kalangan mangsa wanita keganasan pasangan intim. Dalam masa sama, kajian itu turut mengkaji tahap kepuasan bentuk bantuan yang telah diterima oleh mereka sebagai mangsa keganasan pasangan intim di Malaysia. Hasil kajian itu menunjukkan bentuk sokongan tidak formal yang diperolehi daripada ahli keluarga dan kawan-kawan lebih banyak digunakan oleh mangsa berbanding sokongan formal. Hasil kajian turut mendapati keperluan mangsa berbentuk sokongan emosi dan fizikal di negara ini amat penting dipenuhi termasuk daripada pelbagai bentuk penawaran perkhidmatan bantuan sosial yang sedia ada dalam konteks masalah keganasan rumah tangga. Dalam hal ini, nilai

patriakal dan tradisi perlu dihapuskan bagi mengubah budaya dalam kalangan sistem sosial sama ada melalui organisasi formal atau sebaliknya. Perkara ini dapat menjamin peningkatan hak dan status sosial mangsa wanita dalam sesebuah masyarakat. Bagi menonjolkan kelainan berdasarkan hasil kajian ini, fokus kumpulan sasar perlu diperincikan kepada mangsa keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita Melayu, khususnya di negeri Pulau Pinang. Hal ini kerana skop kajian sedia ada ini adalah lebih luas merangkumi informan daripada pelbagai etnik. Menerusi cara ini, keperluan kajian berkaitan bentuk daya tindak serta faktor pendorong mangsa keganasan rumah tangga mendapatkan bantuan dalam kalangan masyarakat Melayu dapat dicungkil dengan lebih mendalam.

Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (2012) menunjukkan peningkatan jumlah ibu tunggal selaras dengan jumlah penceraian yang berlaku di negara ini. Laporan ini dibuktikan melalui statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mencatatkan jumlah kes penceraian orang Islam meningkat iaitu 13,536 kes pada tahun 2000 kepada 22,289 kes pada tahun 2008. Laporan itu turut menyentuh peningkatan jumlah kes ibu tunggal disebabkan beberapa faktor penyumbang termasuk kadar kes penceraian dan kes 'gantung tak bertali'. Petikan laporan ini mendedahkan masalah ini turut berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Pihak SUHAKAM juga mendapati wanita yang menjadi ibu tunggal bertindak sebagai ketua keluarga dan menjadi antara faktor penyumbang kadar kemiskinan di negara ini. Perkara ini disebabkan kekurangan keperluan asas daripada segi perumahan dan kewangan dalam kalangan ibu tunggal bagi menampung kehidupan selepas berpisah dengan pasangan. Laporan kajian ini menunjukkan ada antara ibu tunggal berpisah disebabkan masalah keganasan rumah tangga, namun perkara ini tidak dibincangkan secara mendalam. Laporan ini juga

hanya menfokuskan bentuk keperluan wanita selepas berpisah dengan suami sedangkan aspek daya tindak juga perlu ditekankan bagi memastikan golongan ini dapat mencapai keperluan diri tanpa bantuan daripada suami serta kefungsiian sosial. Sehubungan ini, kajian yang dijalankan ini bukan sahaja akan menfokus kepada faktor-faktor yang mendorong kepada daya tindak mangsa meninggalkan pasangan, malah turut mendalami bentuk perkhidmatan yang diterima pakai selepas berpisah dengan pasangan.

Masalah keganasan rumah tangga terhadap wanita bukan hanya berkaitan isu kebajikan dan masyarakat, malah perkara ini melibatkan maruah negara dalam mencorakkan warganegara yang bermaruah dan berakhlak mulia. Usaha untuk membanteras gejala negatif ini merupakan tanggungjawab sosial semua pihak dan memerlukan kerjasama padu dalam kalangan anggota masyarakat. Jelas dilihat bahawa pelbagai kajian telah dijalankan di Malaysia yang menyumbang kepada pemahaman isu keganasan rumah tangga. Walau bagaimanapun, hampir kesemua kajian menfokuskan kepada aspek tertentu dan tiada sebarang kajian yang menjurus kepada aspek pengaruh budaya Melayu. Begitu juga terdapat keperluan aspek daya tindak mangsa khususnya mengkaji faktor penyumbang kepada tindakan mangsa untuk keluar daripada belenggu permasalahan ini, di samping bentuk strategi daya tindak yang digunakan oleh mangsa bagi mengurangkan atau menyelesaikan tekanan masalah yang dihadapi sebagai mangsa keganasan rumah tangga. Kajian ini turut menekankan bentuk keperluan perancangan yang bersesuaian untuk masa hadapan mangsa. Diharapkan hasil-hasil kajian yang telah diperolehi daripada kajian yang dijalankan ini dapat membantu membentuk rangka intervensi kerja sosial dan perkhidmatan bersesuaian ke arah mencapai kesejahteraan sosial mangsa keganasan. Rangka intervensi ini adalah berlandaskan pelbagai bentuk keperluan bersesuaian

dengan kehendak mereka yang telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita Melayu di Pulau Pinang.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Melalui latar belakang permasalahan yang telah dinyatakan pada bahagian atas, terdapat beberapa persoalan kajian yang menjurus seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor penyumbang kepada masalah keganasan rumah tangga dalam kalangan mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang?
2. Apakah perkaitan pengaruh budaya Melayu dalam masalah keganasan rumah tangga terhadap mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang?
3. Mengapakah wanita berbangsa Melayu ingin membebaskan diri daripada terus menjadi mangsa keganasan rumah tangga di negeri Pulau Pinang?
4. Apakah bentuk-bentuk daya tindak yang dilakukan oleh mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang?
5. Apakah bentuk-bentuk keperluan perancangan mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang selepas berjaya membebaskan diri daripada keganasan rumah tangga?

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengkaji faktor-faktor penyumbang kepada masalah keganasan rumah tangga dalam kalangan mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang.
2. Menganalisis perkaitan pengaruh budaya Melayu dalam masalah keganasan rumah tangga terhadap mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang.

3. Mengkaji faktor-faktor pendorong wanita berbangsa Melayu ingin membebaskan diri daripada terus menjadi mangsa keganasan rumah tangga di negeri Pulau Pinang.
4. Menganalisis bentuk-bentuk daya tindak yang dilakukan oleh mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang.
5. Menganalisis bentuk-bentuk keperluan perancangan mangsa wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang selepas berjaya membebaskan diri daripada keganasan rumah tangga.
6. Mencadangkan satu rangka keperluan intervensi kerja sosial dan perkhidmatan bersesuaian ke arah kefungisian sosial golongan wanita berbangsa Melayu di negeri Pulau Pinang.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan beberapa aspek penting yang ditekankan dalam kerja sosial, kajian ini berharap dapat memberikan sumbangan yang besar terhadap pihak-pihak yang berkaitan bagi menangani isu permasalahan ini. Kesannya, kajian ini dapat membantu mengurangkan masalah berkaitan keganasan rumah tangga terutama terhadap golongan wanita berbangsa Melayu, khususnya di negeri Pulau Pinang.

### **1.5.1 Pemahaman terhadap Isu Permasalahan Keganasan Rumah Tangga**

Hasil kajian ini diharap dapat memberikan pendedahan lebih mendalam dan jelas kepada golongan masyarakat berkaitan isu-isu yang boleh menyumbang kepada masalah keganasan rumah tangga serta kesannya terhadap mangsa dan juga ahli keluarga yang berkaitan. Dalam hal ini, masyarakat secara tidak langsung dapat memahami senario bentuk keganasan rumah tangga yang diperlakukan kepada golongan mangsa wanita Melayu terutama di negeri Pulau Pinang.